

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **TUAN KARUPAIYA A/L MUTUSAMI**
(PADANG SERAI)

TARIKH : **3 JULAI 2019 (RABU)**

SOALAN NO 163

YB TUAN KARUPAIYA A/L MUTUSAMI (PADANG SERAI) minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan sama ada perang perdagangan antara Amerika Syarikat dan China yang semakin meningkat ketika ini memberi impak kepada industri pembuatan dan pembinaan negara kita dan apakah langkah pencegahan yang dilaksanakan oleh Kerajaan bagi mengatasinya.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

1. Untuk makluman, Amerika Syarikat dan China merupakan antara rakan dagang utama Malaysia. Sebagai sebuah negara yang mengamalkan ekonomi terbuka, Malaysia dilihat berpotensi akan mengalami impak secara tidak langsung daripada perang perdagangan antara Amerika Syarikat dan China berikutan kedudukan Malaysia di dalam rantaian nilai global antara kedua-dua negara.
2. Secara am, impak ketegangan perang perdagangan antara AS dan China terutamanya kepada perdagangan dan pelaburan Malaysia boleh dilihat dari aspek positif dan negatif. Antara impak negatif yang dijangka akan berlaku kepada adalah:
 - a) penurunan nilai eksport langsung produk Malaysia ke AS yang disebabkan oleh pelaksanaan tarif perlindungan (*safeguard duties*)

terhadap barangan terpilih, termasuk eksport produk-produk utama Malaysia ke AS;

- b) penurunan nilai eksport Malaysia ke China bagi produk perantaraan (*intermediate goods*) memandangkan produk tersebut menyumbang kepada eksport produk siap ke AS, atau lain-lain pasaran eksport ke negara ketiga; dan
 - c) pertumbuhan ekonomi China yang perlahan berikutan perang perdagangan tersebut juga boleh menjejaskan eksport produk Malaysia ke China secara keseluruhan.
3. Dalam pada masa yang sama, Malaysia juga dijangka akan meneirima kesan yang positif akibat daripada perang perdagangan Amerika Syarikat, seperti berikut:
- a) Amerika Syarikat berkemungkinan akan menggantikan import produk-produk China dengan produk-produk dari negara-negara ASEAN, termasuk Malaysia. Berdasarkan senarai yang dikeluarkan oleh Amerika Syarikat mengenai produk-produk import dari China yang dikenakan tarif tambahan, dianggarkan lebih dari 90% merangkumi produk-produk Malaysia yang dieksport ke Amerika Syarikat; dan
 - b) kemungkinan berlakunya lencongan pelaburan (*investment diversion*) ke rantau ASEAN bagi mengelak kesan langsung pengenaan tarif tambahan oleh Amerika Syarikat ke atas import produk-produk China. Lencongan pelaburan di mana syarikat-syarikat China dan syarikat-syarikat multinational (MNCs) berkemungkinan akan mengubah strategi perniagaan masing-masing dan menukar lokasi pelaburan ke negara-negara ASEAN termasuk Malaysia bagi mengelak impak langsung berikutan pengenaan tarif yang tinggi ke atas eksport produk-produknya.
4. Bagi meminimumkan impak perang perdagangan tersebut, pengeksport Malaysia perlu mengambil langkah-langkah lebih proaktif melalui aktiviti promosi yang lebih agresif bagi memposisikan negara sebagai pembekal alternatif terutama bagi produk-produk elektrik dan

elektronik (E&E), jentera dan peralatan, optik dan saintifik, petroleum, kimia dan peralatan perubatan ke pasaran Amerika Syarikat. Bagi pasaran eksport ke China pula, produk-produk Malaysia yang berpotensi menggantikan import Amerika Syarikat termasuk produk-produk minyak sawit, gas asli, kimia dan E&E.

Tuan Yang Di Pertua,

5. Menyedari hakikat perang perdagangan antara Amerika Syarikat dan China masih berterusan, MITI dan agensi promosi perdagangan dan pelaburan seperti Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia Malaysia (MIDA) dan Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE) telah mengambil langkah-langkah yang wajar bagi mengurangkan kesan risiko konflik perdagangan antara Amerika Syarikat dan China ke atas perdagangan dan pelaburan Malaysia, antaranya termasuk:

a) menasarkankan lebih banyak pelaburan yang berkualiti di Malaysia, antaranya termasuk pelaburan yang mempunyai nilai tambah tinggi, berorientasikan eksport, pemimpin pasaran (*market leader*), berteknologi seni, teknologi hijau, teknologi proses atau R&D terkini, kedudukan kewangan yang kukuh serta berjenama global yang berupaya memberi pulangan maksimum kepada pertumbuhan ekonomi negara serta peluang perniagaan dan pekerjaan kepada rakyat. Antara sumber baru bagi peluang-peluang pelaburan di Malaysia termasuk *Megatrends*, Industri 4.0, Ekonomi Digital dan e-Perdagangan (*e-Commerce*); dan

b) program-program promosi perdagangan dan pelaburan akan terus diadakan di bandar-bandar peringkat pertama (*1st tier*), peringkat kedua (*2nd tier*) dan peringkat ketiga (*3rd tier*) di negara rakan dagang utama. Lain-lain program promosi perdagangan akan diteruskan bagi sektor-sektor terpilih termasuk penyertaan dalam pameran antarabangsa, Misi Akselerasi Eksport (*Export Acceleration Mission*), program *In-Store Promotion* dan Misi Perdagangan dan Pelaburan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KE DUA,
PARLIMEN KE EMPATBELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB TUAN AHMAD FAIZAL B. AZUMU

TARIKH : 03 JULAI 2019

RUJUKAN : 11745

SOALAN NO.

Minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan perancangan Kementerian untuk meyelesaikan isu kerakyatan kanak-kanak pasangan yang bernikah di Negara jiran yang kini agak ketara di negeri Perak antaranya.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Perkahwinan individu warganegara Malaysia yang telah dilangsungkan di luar negara mestilah didaftarkan mengikut perundangan yang berkuat kuasa di Malaysia. Bagi individu beragama Islam, pendaftaran tersebut perlu dirujuk kepada Pihak Berkuasa Agama Islam manakala bagi individu bukan beragama Islam, ia perlu dirujuk kepada Jabatan Pendaftaran Negara (JPN). Perkara ini amat penting terutamanya bagi perkahwinan antara warganegara Malaysia dengan warga asing kerana ia akan menentukan kesahtarafan dan kewarganegaraan anak yang bakal dilahirkan.

Kewarganegaraan seseorang individu ditentukan berdasarkan kepada status perkahwinan dan taraf kewarganegaraan ibu bapa kandung sewaktu kelahiran. Seksyen 17 Bahagian III Jadual Kedua Perlembagaan Persekutuan telah menetapkan bahawa individu yang dilahirkan di luar perkahwinan yang berdaftar dengan peruntukan perundangan di Malaysia akan mengikut kewarganegaraan ibunya.

Sehubungan dengan itu, anak yang dilahirkan hasil daripada perkahwinan tidak berdaftar antara wanita warga asing dengan lelaki warganegara Malaysia akan direkodkan sebagai Bukan Warganegara. Dalam hal ini, adalah menjadi tanggungjawab ibu bapa atau penjaga untuk menguruskan dokumen pengenalan diri dan dokumen perjalanan anak tersebut dengan negara asal ibunya. Kegagalan untuk melaksanakan tanggungjawab tersebut akan menyebabkan ketiadaan dokumen pengenalan diri dari negara asal yang akhirnya mengakibatkan keberadaan tidak sah di negara ini.

Bagi memastikan tiada isu berbangkit pada masa hadapan serta membentuk masyarakat yang bermoral dan patuh kepada perundangan yang berkuat kuasa, Ahli Yang Berhormat diseru untuk menyebarkan pengetahuan berkaitan dengan kepentingan mendaftarkan perkahwinan kepada masyarakat.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KE EMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN LUKANISMAN BIN AWANG SAUNI

TARIKH : 3 JULAI 2019

RUJUKAN : 11742

SOALAN NO.

Minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah keputusan perbincangan bersama kerajaan Vietnam mengenai isu pencerobohan kapal ikan di Perairan Malaysia dan status Pasukan Khas yang ditubuhkan oleh pihak Kerajaan bagi menangani isu ini.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Untuk makluman, Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) sehingga kini belum pernah terlibat dengan mana-mana mesyuarat atau perbincangan bersama Kerajaan Vietnam berkenaan pencerobohan Bot Nelayan Vietnam di Perairan Malaysia. Semua urusan bersama Kerajaan Negara Luar adalah di bawah bidang kuasa Kementerian Luar Negara (KLN).

Lanjutan daripada sidang akhbar secara bersama oleh YB Menteri Dalam Negeri, YB Menteri Pertanian dan Asas Tani serta YB Timbalan Menteri Pertahanan pada 24 April 2019 telah memutuskan pelaksanaan pasukan petugas khas (*task force*) khusus bagi menangani isu pencerobohan nelayan asing di perairan negara. Mesyuarat pertama Task Force yang diterajui oleh KDN pada 25 April 2019 telah memutuskan penubuhan dua (2) jawatankuasa pelaksanaan seperti berikut:

- (i) Jawatankuasa Penguatkuasaan secara Bersepadu diketuai oleh Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) dan dianggotai oleh Tentera Laut DiRaja Malaysia (TLDM), Tentera Udara DiRaja Malaysia (TUDM), Pasukan Polis Marin, Polis DiRaja Malaysia (PPM), Jabatan Perikanan Malaysia, Jabatan Laut Malaysia dan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) berfungsi untuk menjalankan operasi dan penguatkuasaan secara bersepadu bagi menangani isu pencerobohan kapal nelayan asing di perairan negara; dan
- (ii) Jawatankuasa Dasar dan Perundangan diketuai oleh Kementerian Dalam Negeri dan dianggotai oleh Majlis Keselamatan Negara, Kementerian Luar Negeri, Kementerian Pertanian Industri Asas Tani dan Jabatan Peguam Negara berfungsi untuk menangani isu-isu berhubung dasar dan perundangan berkaitan pencerobohan kapal nelayan asing di perairan Negara dan bertanggungjawab.

Sehingga kini Jawatankuasa Penguatkuasaan secara Bersepadu telah melancarkan Operasi Penguatkuasaan Bersepadu yang dikenali sebagai Ops Naga bermula pada 2 Mei 2019 dan dijalankan di Kawasan Laut China Selatan, Pantai Timur Semenanjung Malaysia.

Pelaksanaan Ops Naga ini akan diteruskan sehingga isu pencerobohan Vesel Nelayan Asing Vietnam di perairan Pantai Timur dapat dibendung secara maksimum.